



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (85)

Tarikh : 11 Januari 2014

## SIARAN MEDIA

### **WARGA KOTA BELUD BAKAL MENIKMATI KEHIDUPAN LEBIH SELESA DENGAN PERUNTUKAN RM37.2 JUTA**

Kota Belud, 11 Januari 2014 – Kota Belud bakal menikmati taraf hidup yang lebih selesa dengan projek penambahbaikan dan pelaksanaan projek baru di sekitar bandar Kota Belud demikian diumumkan oleh Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan sempena majlis pelancaran Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Kota Belud, Freewifi@Kotabelud dan Penyampaian Netbook 1Malaysia yang dianggarkan bernilai RM 37.2 juta pada pagi ini.

Wajah baru Kota Belud ini adalah sejajar dengan fungsi kesejahteraan bandar KPKT. Bandar seharusnya mempunyai kemudahan infrastruktur dan utiliti, awam, sosial dan ekonomi serta sistem pengurusan dan pentadbiran yang cekap demi untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat bandar dan kawasan sekitarnya. Yang amat penting juga pentadbiran bandar mampu menjana hasil pendapatan tinggi supaya kemudahan-kemudahan fizikal dan bukan fizikal bandar bertahap tinggi termasuk pembasmian kemiskinan bandar dapat disediakan. Perkongsian Pintar di bawah Pelan Tindakan NBOS Kota Belud. Perkongsian pintar ini melibatkan 21 projek yang akan dilaksanakan dalam

tahun 2014 sehingga 2016 bernilai RM37.2 juta yang akan dilaksanakan oleh KPKT dan jabatan dibawahnya serta agensi kerajaan yang lain.

Daripada 21 projek ini, 11 adalah projek Quick Win yang menelan belanja RM7.47juta: peruntukan sedia ada KPKT akan dilaksanakan serta merta dan disiapkan dalam tahun ini juga. Ia adalah:

- Menaik taraf sistem perparitan bandar di Kompleks Centenary dan Pasar Tani;
- Menaik taraf atau turap semula jalan dengan menyediakan tempat letak kereta baru, mengecat semula petak letak kereta dan membina lintasan pejalan kaki dan redaan trafik;
- Menaik taraf tandas awam di Pasar Besar
- Bina baru tandas awam di Padang Pekan;
- Menaik taraf gerai-gerai Pasar Tamu;
- Menyediakan laluan pejalan kaki khusus;
- Pencahayaan di sekitar Kompleks Centenary;
- Membina tempat motosikal berkunci di MDKB dan Pasar Besar;
- Naik taraf Padang Pekan;
- Naik taraf mercu tanda Kota Belud;
- Penyediaan 200 buah tong sampah.

Freewifi@kotabelud akan membolehkan penduduk Kota Belud berkomunikasi pantas, meningkat akses kepada maklumat-maklumat terkini dan peluang-peluang ekonomi yang memajukan masyarakat kawasan ini menerusi Wifi percuma. *The highlights* of NBOS Kota Belud pula adalah pembinaan Bazaar Rakyat 3 tingkat dan menaik taraf Padang Pekan yang akan

menelan belanja sebanyak RM9.8juta. Bazaar Rakyat akan dibina di atas tapak Pasar Tani sedia ada, menempatkan semula secara berpusat gerai-gerai pasar tani, pasar malam, gerai-gerai kecil yang berselerak, menyediakan lebih banyak petak letak kereta untuk memudahkan warga Kota Belud berurusan, di samping menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas.

Padang Pekan bersinonim dengan penduduk Kota Belud, kian lama berfungsi sebagai kawasan lapang, pusat rekreasi dan tumpuan aktiviti bandar akan dinaik taraf dengan reka bentuk budaya tempatan untuk kegunaan pelbagai fungsi terutamanya yang tidak menjejaskan perayaan Pesta Tamu Besar dan kuda berhias Kota Belud. Astaka, gelanggang pelbagai aktiviti kesukanan, padang bola sepak, *outdoor gym/parcourse/refleksologi* akan dinaik taraf atau dibina baru. Plaza rakyat dan ruang bersantai keluarga dibina supaya penduduk berinteraksi sambil menikmati aktiviti kebudayaan, adat resam, sukan rakyat dan sebagainya.

KPKT akan membina terminal bas bersepadu, tempat letak kereta bertingkat dan menaik taraf arked, menjalankan kajian sistem lalu lintas bandar dan sebagainya yang tuan-tuan dan puan-puan dapat lihat sendiri di kemah pameran. KPKT akan membina semula 38 buah rumah golongan miskin di sekitar Kota Belud yang terlalu uzur, tidak selamat atau sesuai diduduki di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Program ini melibatkan bantuan bina baru rumah dan *food basket*. Ini adalah selaras dengan matlamat RMKe-10 untuk mengurangkan insiden kemiskinan dari 3.8% pada 2009 kepada 2.0% pada tahun 2015 dan meningkatkan purata pendapatan isi rumah 40% terendah dari RM1,440 kepada RM2,300 pada tahun 2015, kerajaan menyediakan pelbagai program memandangkan golongan ini menjadi nadi penggerak kepada kesejahteraan bandar

KPKT dan Jabatan Pengairan dan Saliran Persekutuan dan negeri Sabah sedang berusaha untuk mendapat peruntukan sebanyak RM20juta dari Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk menaik taraf Sungai Gurung-Gurung yang akan dilaksanakan pada tahun 2014 sehingga 2016 untuk menyelesaikan masalah banjir. Di samping itu beberapa jalan alternatif lencungan trafik sedang dikenal pasti untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di bandar Kota Belud. Pada pagi ini juga, pasukan iM4U di bawa terlibat untuk memulihkan semula semangat kesukarelawanan dan bergotong-royong terutamanya di kalangan belia untuk menjaga kebersihan bandar Kota Belud.

---

*-Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)